

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD
IMRAN BIN ABD HAMID (B)
(LUMUT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.11.2016

**Y.B. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID
(B) [LUMUT]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah hutang Kerajaan dapat dikurangkan sekiranya Kerajaan terus berhutang hingga mencecah RM850 billion sedangkan setiap tahun di bayar balik sekadar RM40 billion. Cara ini tidak ubah seperti mengurus hutang kad kredit yang akhirnya pemegang kad menjadi muflis. Adakah Malaysia sedang menuju ke arah itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah hutang sebanyak RM848.2 bilion tersebut adalah merujuk

kepada hutang luar Malaysia sehingga akhir Jun 2016. Berdasarkan penggunaan definisi hutang luar negeri, jumlah hutang ini adalah merupakan hutang luar pesisir oleh Kerajaan Persekutuan, perusahaan awam bukan kewangan (PABK), sektor swasta yang lain serta deposit dan pegangan kertas hutang didalam negara dan kredit perdagangan oleh bukan pemastautin (*foreign holding*). Di bawah kategori hutang luar Malaysia, hutang Kerajaan Persekutuan hanya berjumlah RM24.6 bilion atau 2% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga akhir Jun 2016, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM655.7 bilion atau 53.2% daripada KDNK. Daripada jumlah itu, sebanyak RM628.8 bilion (95.9%) adalah dari sumber domestik manakala sebahagian kecil iaitu RM26.9 bilion (4.1%) daripada sumber luar pesisir.

3. Kerajaan Persekutuan membuat pinjaman kasar tahunan dengan mengambil kira keperluan untuk membayar balik hutang yang matang serta membiayai defisit. Bagi tahun 2016, pinjaman kasar adalah berjumlah RM92.8 bilion, di mana jumlah bayaran balik adalah RM53.3 bilion dan selebihnya iaitu RM38.7 bilion adalah bagi membiayai defisit. Kerajaan sentiasa memastikan bahawa bayaran

pokok dan faedah dibuat secara teratur mengikut jadual yang ditetapkan. Pembayaran faedah merupakan komitmen yang diberikan keutamaan sebelum mana-mana pembayaran lain di buat dan sehingga kini, Kerajaan **tidak pernah** gagal dalam membuat bayaran balik mengikut jadual yang ditetapkan.

4. Pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan adalah bagi membiayai perbelanjaan pembangunan berikutan hasil yang diperolehi tidak mencukupi untuk menampung keseluruhan perbelanjaan Kerajaan. Perbelanjaan yang dibuat oleh Kerajaan ini adalah perbelanjaan yang produktif yang dapat menyokong pertumbuhan ekonomi dan dapat memanfaatkan rakyat pada masa depan seperti pembinaan sekolah, hospital, jalan raya dan empangan. Oleh itu, selagi kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan masih berada pada paras defisit, Kerajaan masih perlu meminjam untuk meneruskan pelaksanaan projek pembangunan. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus, langkah konsolidasi fiskal yang diamalkan akan mengurangkan paras defisit secara berperingkat. Usaha ini telah terbukti dengan paras defisit telah berjaya dikurangkan daripada 6.7% daripada KDNK pada tahun 2009 kepada 3.2% daripada KDNK pada tahun 2015 dan diunjurkan akan terus berkurangan kepada 3.1% pada 2016. Kedudukan ini seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam

dan dapat menurunkan paras hutang.

5. Di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), Kerajaan juga mengunjurkan paras hutang Kerajaan Persekutuan akan terus berkurang ke paras 43.4% daripada KDNK. Justeru, berdasarkan langkah-langkah konsolidasi dan kepatuhan kepada disiplin kewangan, Kerajaan yakin dan akan memastikan negara tidak akan menjadi negara bankrap seperti Greece atau muflis dan seumpamanya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING
TARIKH : 14.11.2016
SOALAN : NO. 40

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status terkini perundingan terima masuk IPTA berasaskan sijil UEC. Nyatakan secara terperinci hasil perundingan semenjak ianya dibangkitkan oleh Ketua Menteri Sarawak serta langkah-langkah positif yang telah dikenal pasti serta jangka masa yang ditentukan demi mencapai pengistiharan UEC oleh IPTA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) buat masa ini, tidak mengiktiraf Unified Examination Certificate (UEC) untuk tujuan kemasukan ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) di atas sebab-sebab berikut:

- a) UEC tidak selari dengan kurikulum kebangsaan seperti yang dinyatakan dalam Akta Pendidikan 1996;
- b) Sistem penilaian UEC dibuat oleh badan penilai sendiri dan bukannya oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, sekali gus tidak memenuhi Dasar Pendidikan Kebangsaan;
- c) mata pelajaran Bahasa Melayu dalam UEC tidak setara dengan mata pelajaran Bahasa Melayu (KOD:1103) di peringkat SPM;
- d) liputan sejarah negara dalam kurikulum UEC tidak selari dengan sejarah negara; dan

- e) syarat am kelayakan kemasukan IPTA hendaklah menduduki SPM dan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (KOD: 1103) serta lulus mata pelajaran Sejarah (KOD : 1249 - mulai tahun 2013).

Sehubungan itu, sijil UEC tidak boleh diguna pakai sebagai kelayakan masuk ke IPTA. KPT bersedia mempertimbang pengiktirafan UEC untuk tujuan kemasukan ke IPTA sekiranya semua syarat dan keperluan di atas dipenuhi.